



16.10.2019

## KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## SALURAN PAIP AIR PECAH DI JALAN BUKIT GAMBIR: KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECEMASAN SELESAI 9.00 MALAM HARI INI.

- **Kakitangan PBAPP yang menjalankan pembaikan kecemasan sedang berusaha untuk membaiki paip 900mm keluli lembut (MS) di Jalan Bukit Gambir, sejak jam 9.00 malam tadi.**
- **Hujan semalam melewatkan kerja-kerja penggalian dan telah membanjiri kawasan penggalian paip.**
- **Penggalian mencapai tahap 2.5m di bawah paras tanah di tapak. PBAPP menambah lebih ramai kakitangan dan peralatan jentera untuk mempercepat kerja di tapak.**

PULAU PINANG, Selasa, 16.10.2019: Kerja-kerja pembaikan saluran paip bawah tanah yang pecah di Jalan Bukit Gambir kini masih dijalankan, berikutan hujan semalam.

Pasukan pembaikan kecemasan PBAPP telah menggali tapak saluran paip utama 900mm keluli lembut (MS) yang telah pecah sejak jam 9.00 malam tadi. Bagaimanapun, hujan semalam telah melambatkan kerja dan air membanjiri tapak penggalian, yang terletak di jalan berhampiran kompleks perniagaan The Pallazia.

Kerja penggalian mencapai tahap 2.5m di bawah paras tanah pagi ini. PBAPP telah menambah lebih ramai kakitangan dan jentera berat untuk mempercepatkan kerja.



Injap 900mm sebelum Pallazia dan satu lagi injap 450mm di persimpangan Jalan Tun Dr. Awang dan Jalan Bukit Gambir telah dihenti tugas sejak jam 9.00 malam tadi untuk mengasingkan dan mengalirkan air keluar daripada saluran paip pecah.

Henti tugas ini telah menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual atau tekanan air rendah di kawasan-kawasan berikut:

1. Kampus Universiti Sains Malaysia di Bukit Gambir
2. Plaza Ivory dan Halaman Bukit Gambir 1 - 9
3. Jalan Ketitir 1 - 4
4. Jabatan Pendidikan Sekolah Menengah Bukit Gambir
5. Desa Golf Taman Bukit Jambul
6. Taman Bukit Jambul Blok A - Blok F
7. Kawasan Sungai Ara sehingga Kompleks Tabung Haji
8. Kawasan Teluk Kumbar sehingga Bukit Genting
9. Balik Pulau
10. Relau
11. Ashley Green

Kira-kira 200,000 pengguna air di kawasan ini terjejas oleh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

Bekalan air ke kawasan industri Bayan Lepas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagaimanapun tidak terjejas.

#### Penyelesaian kerja-kerja pembaikan saluran paip dijadualkan semula

Pada mulanya, kerja-kerja pembaikan kecemasan dijadualkan siap pada 9.00 pagi hari ini, dengan bekalan air dipulihkan secara berperingkat-peringkat kepada semua pengguna yang terjejas.

Oleh kerana keadaan cuaca buruk di tapak, seperti yang dinyatakan, PBAPP telah menjadualkan semula kerja-kerja pembaikan kecemasan hingga 9.00 malam hari ini. Selepas itu, bekalan air akan dipulihkan secara berperingkat-peringkat kepada semua pengguna yang terjejas.

Sila ambil perhatian bahawa petunjuk prestasi utama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi gangguan bekalan air tidak berjadual yang melibatkan paip dengan diameter melebihi 600mm ialah 48



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



jam. PBAPP mensasarkan kerja-kerja pembaikan disempurnakan dalam tempoh 24 jam.

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku. Bagaimanapun, ini adalah gangguan bekalan air tidak berjadual yang berlaku berikutan saluran paip bawah tanah yang pecah, dan PBAPP sedang berusaha mempercepatkan dan menyelesaikan kerja pembaikan.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



